



Pro-Aspirasi menang 26 kerusi MPP UKM

Calon Pro-Aspirasi menang 26 daripada keseluruhan 31 kerusi yang dipertandingkan dan baki lima kerusi dimenangi calon Gabungan Mahasiswa.

KUALA LUMPUR 16 Sept. - Calon Pro-Aspirasi mendominasi kemenangan pada pemilihan Majlis Perwakilan Pelajar (MPP) di Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) kampus Bangi yang berlangsung semalam.

Pusat Komunikasi UKM dalam kenyataannya berkata, calon Pro-Aspirasi menang 26 daripada keseluruhan 31 kerusi yang dipertandingkan dan baki lima kerusi dimenangi calon Gabungan Mahasiswa.

“Daripada 10 kerusi umum yang dipertandingkan, sembilan daripadanya dimenangi Pro-Aspirasi manakala satu lagi dimenangi Gabungan Mahasiswa.

“Bagi 21 kerusi fakulti pula, Pro-Aspirasi berjaya memenangi sebanyak 17 kerusi manakala Pro Mahasiswa memperoleh 4 kerusi,” katanya.

Menurut kenyataan itu, dalam pemilihan MPP kali ini juga menyak-

sikan hanya satu kerusi dimenangi tanpa bertanding oleh Pro-Aspirasi, iaitu kerusi bagi Fakulti Kejuruteraan dan Alam Bina.

“Proses pengundian berjalan lancar bermula pukul 8 pagi hingga 5 petang semalam sebelum pengiraan dibuat dan keputusan penuh diumumkan pada pukul 12.40 pagi.

“Keseluruhan pelajar di kampus UKM Bangi adalah kira-kira seramai 12,000 pelajar,” ujarnya.



KUMPULAN Pro-Aspirasi UKM bergambar bersama setelah memenangi 26 kerusi dalam Pemilihan Calon Majlis Perwakilan Pelajar (MPP) UKM sesi 2015/2016 di Dewan Gemilang UKM, Bangi, kelmarin.